



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : AMALAN IKHTISAS**  
**KOD KURSUS : DSB2123**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2023**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (15 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (25 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** soalan.

Jawab semua soalan pada Buku Jawapan.

1. Manakah antara berikut kuasa klien terhadap sesuatu projek?
  - A Menyelaras aktiviti-aktiviti kontraktor
  - B Memperuntukkan insurans yang berkaitan dengan projek
  - C Menyimpan sebahagian bayaran ansuran kepada kontraktor
  - D Menyediakan maklumat dan tinjauan terhadap lokasi untuk membangunkan projek
  
2. Manakah antara berikut tanggungjawab jurutera mekanikal dan elektrik?
  - A Melakukan ujian kualiti air
  - B Mereka bentuk struktur bangunan
  - C Mereka bentuk sistem pendawaian elektrik
  - D Menyediakan anggaran kos kerja-kerja perubahan struktur
  
3. Semua permohonan kelulusan pelan bangunan akan dikenakan yuran pemprosesan berdasarkan
  - A saiz bangunan
  - B jenis bangunan
  - C nilai kontrak pembinaan
  - D Jadual Pertama, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984

Lukisan yang menunjukkan rupa bentuk keseluruhan bangunan pada bahagian hadapan, tepi dan belakang. Pada lukisan ini juga dinyatakan elemen-elemen hiasan, bukaan, pintu masuk dan keluar, rupa bentuk bumbung dan elemen-elemen fasad bangunan.

4. Apakah jenis lukisan berdasarkan pernyataan di atas?
  - A Keratan
  - B Pelan lantai
  - C Pelan bumbung
  - D Pandangan tampak

5. Manakah antara berikut perkara yang dipertimbangkan semasa pemilihan kontraktor?
- A Penyata kewangan
  - B Latar belakang pemilik
  - C Harga yang munasabah
  - D Kakitangan subkontraktor
6. Apakah perkara utama yang perlu diambil kira dalam penyediaan *Critical Path Method (CPM)*?
- A Fasa pembinaan
  - B Sumber yang berlebihan
  - C Kadar produktiviti bagi aktiviti
  - D Pesanan barang binaan pada masa akan datang

Kontrak ini digunakan untuk kerja yang memerlukan projek disiapkan cepat dan lukisan spesifikasi yang disertakan adalah kurang memuaskan untuk mendapatkan ukuran yang tepat.

7. Pernyataan di atas merujuk kepada jenis kontrak *lump sum* bagi kategori:
- A Kontrak *lump sum* berdasarkan lukisan spesifikasi
  - B Kontrak *lump sum* berdasarkan lukisan dan senarai bahan
  - C Kontrak *lump sum* berdasarkan lukisan dan jadual kadar harga
  - D Kontrak *lump sum* berdasarkan lukisan dan anggaran kos bahan

Insurans untuk melindungi liabiliti kontraktor terhadap kecederaan dan kematian orang awam dan kerosakan harta semasa pelaksanaan kerja akibat kecuaiannya kontraktor dan subkontraktor.

8. Pernyataan di atas merujuk kepada jenis:
- A Insurans kerja
  - B Insurans takaful
  - C Insurans liabiliti awam
  - D Insurans semua risiko kontraktor (*contractor's all risk*)

9. Pengesahkan amaun yang perlu dibayar kepada kontraktor oleh klien dan dikeluarkan mengikut masa yang ditetapkan dalam kontrak adalah
- A Sijil Tamat Kerja
  - B Perakuan Interim
  - C Sijil Penyiapan Praktikal
  - D Sijil Membaiki Kecacatan
10. Apabila kontraktor gagal menyiapkan kerja binaan dalam tempoh yang telah ditetapkan, kontraktor akan diberikan?
- A Sijil Tak Siap Kerja
  - B Sijil Penyiapan Praktikal
  - C Sijil Membaiki Kecacatan
  - D Notis *Liquidated and Ascertained Damages*
11. Apakah turutan yang betul untuk memohon Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)?
- i. Pemeriksaan tapak mengikut peringkat pembinaan
  - ii. Arahan pembaikan atau tindakan penguatkuasaan jika ada
  - iii. PSP memaklumkan mula kerja melalui Borang B (Bahagian Kawalan Bangunan)
  - iv. Profesional, kontraktor dan sub-kontraktor memberi perakuan mengikut peringkat pembinaan yang telah siap
- A i, ii, iii, iv
  - B i, iv, iii, ii
  - C ii, i, iii, iv
  - D iii, i, ii, iv
12. Antara berikut, yang manakah merupakan aktiviti di peringkat permulaan reka bentuk?
- i. Melawat tapak dan menjalankan penaksiran awal
  - ii. Menasihatkan tentang keperluan kakitangan tapak
  - iii. Menasihatkan tentang keperluan bagi sub-kontraktor dan pembekal
  - iv. Menasihatkan tentang keperluan memperoleh Kebenaran Merancang

- A i, iii
- B i, ii, iii
- C i, iii, iv
- D i, ii, iii, iv

13. Antara berikut, yang manakah faktor pemilihan tender perundingan?

- i. Tiada maklumat di peringkat awal
- ii. Memerlukan penyiapan kerja lebih awal
- iii. Senarai nama kontraktor boleh diperolehi berdasarkan syor dari Juruukur Bahan
- iv. Pemilihan kontraktor melalui perundingan di mana kontraktor yang dipilih biasanya mempunyai reputasi tinggi

- A i, iii
- B i, ii, iv
- C i, iii, iv
- D i, ii, iii, iv

14. Antara berikut, yang manakah syarat-syarat kontrak?

- i. Sebut harga tender
- ii. Wang pendahuluan
- iii. Tempoh liabiliti kecacatan
- iv. Wang peruntukan sementara

- A i, iii
- B i, iv
- C iii, iv
- D i, iii, iv

15. Apakah turutan yang betul untuk pembahagian senarai bahan berasaskan jenis kerja-kerja pembinaan?

- i. Membina bumbung
- ii. Membuat kerja-kerja konkrit
- iii. Membuat kerja-kerja pembersihan tapak
- iv. Membuat kerja-kerja lepaan dan kemas

SULIT

SKSK/JUN2023/DSB2123

- A i, ii, iii, iv
- B ii, iii, i, iv
- C ii, i, iv, iii
- D iii, ii, i, iv

[15 MARKAH]

SULIT

6

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Sebelum sesuatu projek pembinaan dilaksanakan, ia perlu melalui proses kelulusan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan di tapak bina.

- a. Senaraikan **tiga (3)** peringkat dalam proses pembangunan harta tanah yang harus dilalui sebelum membuat permohonan kelulusan pelan bangunan.

(3 markah)

- b. Kelulusan pelan bangunan mempunyai validasi pada tempoh tertentu. Pada pendapat anda mengapakah validasi ini ditetapkan?

(4 markah)

- c. Berdasarkan pemahaman anda, huraikan prosedur memohon kelulusan pelan bangunan.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Majlis Agama Negeri Johor ingin membina sebuah masjid di Bandar Putra. Pemilihan kontraktor bagi pembinaan masjid ini perlu melalui proses tender.

- a. Senaraikan **tiga (3)** tatacara tender yang perlu dilaksanakan.

(3 markah)

- b. Cadangkan **satu (1)** jenis tender yang bersesuaian dengan projek ini dan berikan sebab terhadap pemilihan tersebut.

(4 markah)



- c. Dengan menggunakan jadual, senaraikan empat (4) kelebihan dan kekurangan antara jenis-jenis tender yang ada.

(8 markah)

### SOALAN 3

Program kerja tapak bina yang baik dapat membantu kontraktor memantau dan mengawal kemajuan kerja agar dapat dijalankan mengikut perancangan.

- a. Senaraikan tiga (3) perkara utama yang perlu diambil kira dalam penyediaan program kerja tapak bina.

(3 markah)

- b. Cadangkan dua (2) permulaan kerja bagi menyusun atur kedudukan bangunan sementara di tapak binaan.

(4 markah)

- c. Berdasarkan pemahaman anda, senaraikan empat (4) elemen susun atur tapak binaan dan huraikan kepentingannya.

(8 markah)

### SOALAN 4

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), 1994 telah diwujudkan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja. Semua pihak yang bekerja di tapak pembinaan wajib mengutamakan keselamatan diri masing-masing. Menitikberatkan soal keselamatan di tapak binaan dapat mengelakkan dari berlakunya kemalangan.

- a. Senaraikan tiga (3) punca kemalangan yang biasa berlaku di tapak binaan.

(3 markah)

- b. Cadangkan dua (2) cara yang sesuai untuk menguatkuasakan undang-undang keselamatan di tapak bina.

(4 markah)

- c. Selaku kontraktor, huraikan empat (4) kaedah untuk mengelakkan kemalangan dalam kalangan pekerja di tapak bina.

(8 markah)

[60 MARKAH]

### BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi SATU (1) soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

### SOALAN 1

Ar. Halim ditugaskan untuk membuat pemeriksaan kerja-kerja pembinaan di tapak bina. Sewaktu pemeriksaan dijalankan, didapati terdapat kebocoran pada siling bangunan.

- a. Senaraikan lima (5) kategori aktiviti pembinaan yang memerlukan Ar. Halim jalankan pemeriksaan.

(5 markah)

- b. Selaku perunding, apakah yang perlu dilakukan oleh Ar. Halim setelah menyedari adanya kebocoran tersebut?

(8 markah)

- c. Perakuan Siap Kerja atau *Certificate of Practical Completion* (CPC) akan dikeluarkan apabila keseluruhan kerja pembinaan telah siap. Huraikan enam (6) tindakan yang perlu dilakukan oleh kontraktor sejurus memperolehi sijil tersebut.

(12 markah)

[25 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



